


## Program Bual Bicara Data Analitik memberi pendedahan pelajar dan pensyarah BPA Terhadap *Data Science*

6 Jun 2023, Jabatan Pengurusan dan Teknologi (JPT), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) telah mengadakan program bual bicara Data Analitik bagi perkongsian ilmu bersama pakar analisa data iaitu Profesor Mustafa Mat Deris, bekas pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), UTHM. Program ini dilaksanakan bersama 110 pelajar tahun 1 dan 2 dari kursus Aplikasi Komputer dalam Perniagaan dan beberapa pensyarah dari JPT.

Menurut Profesor Mustafa, konsep Data Analitik telah diperkenalkan lebih awal namun dengan nama yang lebih tradisional iaitu Sains Data. Sains Data atau *Data Science* terdiri dari gabungan beberapa elemen seperti Matematik, Sains Komputer, *Machine Learning* dan beberapa domain mengikut bidang masing-masing yang ingin diterokai seperti yang dipaparkan di Rajah 1 seperti dibawah. Sains Data atau Data Analitik telah digunakan di pelbagai bidang dan merupakan salah satu kemahiran yang sangat diperlukan pada abad 21 ini. Menurut pelbagai tinjauan, pekerjaan dalam bidang Data Analitik ini menjadi pekerjaan yang sangat popular disebabkan peningkatan permintaan terhadap Data Analitik atau Sains Data. Pelbagai pekerjaan boleh dipohon oleh pelajar sekiranya mereka mendalami dan berkemahiran dalam bidang ini. Antara bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang ini adalah seperti Saintis Data, Penganalisis Data, Pakar Pembelajaran Mesin, Pentadbir Data, Pengurus Perisikan Perniagaan.



Rajah 1: Sains Data menurut Conway Venn

Menurut Ketua Kluster Data Analitik, Dr. Siti Aisyah Salim, program bual bicara ini sangat bermanfaat untuk pelajar dan pensyarah kerana ketika sesi perkongsian, Profesor Mustafa telah sama-sama memberikan beberapa contoh dan teknik penggunaan Data Analitik bagi tujuan pembelajaran. Ini lebih mudah bagi pelajar mengaplikasikan perkongsian dari program ini ke kursus yang mereka sedang dan akan ambil.

Program Bual Bicara Data Analitik ini juga diadakan bagi mempersiapkan pensyarah JPT dan pendedahan kepada pelajar Sarjana Muda Pengurusan dan Teknologi sebelum penawaran empat kluster elektif baharu iaitu *Human Analytics*, *Data Analytics*, *Halal Management dan Logistics Management* yang akan mula ditawarkan kepada pelajar BPA bermula sesi 2021/2022. Pengenalan kluster elektif ini juga mampu untuk menghasilkan graduan yang kompeten untuk mengurus teknologi dalam semua aktiviti primer dan aktiviti sokongan sesebuah organisasi. Matlamat utama pengenalan kluster elektif secara umum dan Data Analitik secara spesifik adalah bagi menghasilkan graduan profesional yang memiliki pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam bidang Pengurusan Teknologi serta mempunyai sikap dan nilai yang mulia.

Penawaran empat kluster elektif baharu termasuk *Data Analytics* adalah untuk memastikan graduan FPTP, UTHM diterima pasaran dan program BPA sentiasa dinamik dan kompetitif. Ini juga selaras dengan matlamat UTHM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memastikan setiap pelajar memiliki sekurang-kurangnya satu sijil kompetensi. Dengan penawaran empat kluster elektif ini, pelajar BPA berpeluang untuk memiliki sijil kompetensi termasuk Microsoft Dynamics 365, Microsoft AI Azure, Microsoft Power BI, Sijil Profesional Pengurusan Logistik dari Johor Port Skills Center dan Sijil Profesional Eksekutif Halal JAKIM mengikuti latihan yang bersesuaian dalam empat kluster elektif utama program.

Terdapat pelbagai aktiviti yang sedang dirancang oleh JPT dan FPTP bagi melengkapkan dan menambah nilai pelajar dan stafnya. Semoga JPT terus cemerlang bersama dengan pelajar dan stafnya untuk masa akan datang.